

B639:

MAHATHIR-UNDANG

(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 10.30 MALAM INI)

1982

KUALA LUMPUR, 12 FEB. (BERNAMA) -- RAKYAT MALAYSIA HENDAKLAH MEMILIH KERAJAAN-KERAJAAN YANG KUAT YANG DAPAT MENTADBIR DAN TIDAK SEMATA-MATA MEMERINTAH, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD, MALAM INI.

DENGAN PENTADBIRAN SEUMPAMA ITU, POTENSI-POTENSI MALAYSIA AKAN DAPAT DIGUNAKAN SEPENUHNYA BAGI KEBAIKAN SEMUA RAKYAT, KATANYA KETIKA BERUCAP DI MAJLIS JAMUAN MALAM TAHUNAN MAJLIS PEGUAM MALAYA DI SINI.

+PAKA PEGUAM, SAYA PERCAYA, TIDAK BEGITU GEMBIRA DENGAN KEKUATAN NEGARA, TETAPI SAYA BOLEH MEMBERI JAMINAN BAHAWA ALTERNATIFNYA -- KERAJAAN-KERAJAAN LEMAH -- ADALAH LEBIH TERUK LAGI, BAGI NEGARA DAN PROFESION TUAN-TUAN, + KATA PERDANA MENTERI.

+BAGI PIHAK SAYA, DAN BAGI SEBAB-SEBAB TERTENTU, SAYA BERDOA DAN BERHARAP RAKYAT MALAYSIA AKAN MEMILIH KERAJAAN-KERAJAAN YANG KUAT YANG BOLEH MENTADBIR DAN BUKAN SEMATA-MATA MEMERINTAH. +

BELIAU BERKATA WALAUPUN TIDAK SEHARUSNYA WUJUD KUASA MUTLAK -- +KITA DIBERITAHU BAHAWA KUASA MENIMBULKAN PERBUATAN RASUAH DAN KUASA MUTLAK MENIMBULKAN RASUAH MUTLAK (POWER CORRUPTS AND ABSOLUTE POWER CORRUPTS ABSOLUTELY)+ -- SATU KUASA YANG BERKESAN HENDAKLAH WUJUD BAGI MEMBOLEHKAN MASYARAKAT ITU UNTUK HIDUP DAN MAJU. -- BERSAMBUNG 2130/AI

B640:

MAHATHIR-UNDANG 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

KELEBIHAN UKERUSI OLEH SEBUAH PARTI MEMERINTAH ADALAH +SANGAT PERLU+ BAGI MEWUJUDKAN MASYARAKAT YANG TERATUR. JUGA KEMAJUAN PESAT MALAYSIA SETAKAT INI DAPAT DICAPAI HASIL DARI PENERUSAN KERAJAAN-KERAJAAN YANG KUAT -- KERAJAAN-KERAJAAN YANG MENGUASAI KELEBIHAN BESAR DALAM PARLIMEN.

+KERAJAAN KADANG-KALA TERPAKSA MELAKUKAN BEBERAPA PEKARA YANG TIDAK DISENANGI, SEPERTI PARA DOKTOR YANG ADA KALANYA TERPAKSA MEMBEDAH UNTUK MENYEMBUHKAN PENYAKIT,+ TAMBAH DATUK SERI DR. MAHATHIR.

+SEBUAH KERAJAAN YANG BERTANGGUNGJAWAB, DALAM USAHA MEMBERI PERKHIDMATAN TERBAIK KEPADA RAKYAT, HENDAKLAH KUAT. DALAM SISTEM DUA PARTI YANG DIDAPATI DI BEBERAPA BUAH NEGARA MAJU KEADAAN IMBANGAN ANTARA KEDUA-DUA PARTI YANG SAMA KUAT TELAH MENGHASILKAN KERJAAN-KERAJAAN YANG LEMAH DAN TIDAK BERKESAN.+

BELIAU SEDAR BAHAWA KERAJAAN-KERAJAAN KUAT JUGA BERBAHAYA, MESKIPUN IA BUKAN MUTLAK, DAN TERDAPAT KEBIMBANGAN BAHAWA DISEBABKAN PARTI MEMERINTAH DI MALAYSIA MENGUASAI DUA PERTIGA KELEBIHAN SUARA PADA BILA-BILA MASA, IA AKAN MENYALAHGUNAKANNYA.

+SAYA TIDAK MENGATAKAN BAHAWA PERKARA INI TIDAK BOLEH JADI, TETAPI DALAM SESEBUAH NEGARA MEMBANGUN PERLUNYA DIWUJUDKAN KERAJAAN-KERAJAAN YANG KUAT SANGAT MENDESAK HINGGAKAN BAHAYA MEMBERI TERLALU BANYAK KUASA KEPADA SESEBUAH KERAJAAN MESTI DITERIMA,+ TAMBAHNYA. -- BERSAMBUNG 2133/ZCM

B641:

MAHATHIR-UNDANG 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

+SEPERTI SAYA KATAKAN SEBELUM INI, KITA TERPAKSA MENERIMA YANG BAIK BERSAMA-SAMA DENGAN YANG BURUK,+ JELASNYA.

MENGENAI MAJLIS PEGUAM ITU, PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN SEDANG MENKKAJI PERANANNYA BERHUBUNG DENGAN PENGGUBALAN UNDANG-UNDANG -- JIKA PERANANNYA IALAH UNTUK MENASIHATKAN KERAJAAN DALAM MENGGUBAL UNDANG-UNDANG, MAKA IA HENDAKLAH BERBUAT DEMIKIAN, IAITU DALAM ERTIKATA SEBENARNYA DAN TIDAK DALAM ERTIKATA DIPLOMATIK INGGERIS SEPERTI DENGAN PENASIHAT-PENASIHAT BRITISH PADA ZAMAN PENJAJAH DAHULU DIMANA +NASIHAT BILA DIBERI HENDAKLAH DITERIMA.+

PADA MASA LALU KERAJAAN ENGGAN BERBUAT DEMIKIAN KERANA CADANGAN-CADANG BAGI UNDANG-UNDANG BARU BIASANYA ADALAH RAHSIA, TETAPI BELIAU YAKIN BAHAWA JIKA NASIHAT MAJLIS ITU DIPERLUKAN, IA AKAN MENJAGA KERAHSIAAN CADANGAN-CADANGAN ITU.

+JIKA KERAJAAN INGIN MENGADAKAN PERBINCANGAN AWAM MENGENAINYA MAKA IA AKAN BERBUAT DEMIKIAN,+ KATANYA.

KERAJAAN AKAN MENKKAJI NASIHAT MAJLIS ITU TETAPI MENGEKALKAN HAK UNTUK MENERIMA ATAU MENOLAKNYA, DAN APABILA CADANGAN ITU MENJADI UNDANG-UNDANG +JADI SAYA KIRA PERANAN MASYARAKAT GUAMAN AKAN TERHAD KEPADA PENGGUNAAN UNDANG-UNDANG ITU.+ -- BERSAMBUNG

2140/ZCM

B642:
MAHATHIR-UNDANG 4 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

+PENGGUBAL UNDANG-UNDANG HENDAKLAH MENGGUBALNYA DAN PARA PENGA-
MALNYA HENDAKLAH MENGAMALNYA, + KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR.

+SATU-SATU CARANYA BAGI MENGHALANG PARA PENGGUBAL UNDANG-UNDANG
YANG SAUDARA TIDAK SUKA DARI MEMBUAT UNDANG-UNDANG IALAH DENGAN
MENGALAHKAN MEREKA DI DALAM PILIHANRAYA -- SAYA BERCAKAP DARI
PENGALAMAN.

+BAGAIMANAPUN, TANPA NIAT UNTUK BERKEMPEN BAGI PILIHANRAYA AKAN
DATANG SAYA INGIN MENYATAKAN BAHAWA PERUBAHAN TIDAK SEMESTINYA
MENDATANGKAN KEBAIKAN. KITA MENDAPATI BANYAK NEGARA BERLAKUNYA
HASUTAN-HASUTAN MEMINTA PERUBAHAN -- DAN BILA TERDAPAT PERUBAHAN
KEADAAN RAKYAT DAN NEGAAA ITU BERTAMBAH BURUK. +

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBIDAS MEREKA YANG BERPENDAPAT BAHAWA
KEHIDUPAN DI NEGARA INI ADALAH SATU PENDERITAAN DAN MENASIHAT-
KAN MEREKA +MENGHITUNG NIKMAT YANG DIPEROLEHI DI SINI, DAN JIKA
SELEPAS ITU ANDA MASIH BERPENDAPAT ANDA MASIH INGIN MENING-
GALKAN NEGARA INI DAN HIDUP DI NEGARA ASING, SAYA PASTI ANDA
AKAN DAPAT BERGEMBIRA DI SANA. +

KATANYA ADALAH ELOK UNTUK MENGINGATKAN BAHAWA SESEORANG ITU
TERPAKSA MENERIMA YANG BAIK BERSAMA-SAMA DENGAN YANG BURUK. --
BERSAMBUNG 2200/ZCM

B658:
MAHATHIR-UNDANG 5 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

BELIAU BERHARAP MEREKA AKAN SEDAR BAHAWA MALAYSIA BUKAN TEMPAT
YANG TIDAK BAIK KESELURUHANNYA, MALAH DARI SEGI KEADILAN
SEKALIPUN DENGAN ITU MEREKA AKAN MERASA LEBIH GEMBIRA DAN INI AKAN
MENYUMBANGKAN KE ARAH JUMLAH KEGEMBIRAAN DI NEGARA INI.

MENGENAI TAWARAN KERAJAAN BARU-BARU INI UNTUK MEMBEBASKAN PARA
TAHANAN YANG DITAHAN TANPA PERBICARAAN, DENGAN SYARAT MEREKA
MENINGGALKAN NEGARA INI, PERDANA MENTERI BERKATA AKAN TERDAPAT
ORANG-ORANG YANG BERKATA BAHAWA SEBAGAI RAKYAT PARA TAHANAN INI
MEMPUNYAI HAK UNTUK TINGGAL DI NEGARA INI.

TETAPI BELIAU MENEKANKAN BAHAWA HAK-HAK MASYARAKAT MENGATASI
HAK-HAK PARA INDIVIDU INI, JIKA INDIVIDU INI TIDAK HIRAUKAN
KEPENTINGAN MASYARAKAT, MAKA MASYARAKAT MEMPUNYAI HAK UNTUK
MENARIK HAK MEREKA UNTUK HIDUP DI BAWAH KEADAAN-KEADAAN TERTENTU.

+JIKA KITA BERHAK MENIDAKKAN HAK MEREKA UNTUK HIDUP, KITA
JUGA BOLEH MENIDAKKAN HAKNYA DALAM NEGARA INI DAN MENGHANTARNYA
KE DUNIA LUAR -- DUNIA INI BESAR, IA BOLEH MENIKMATI KEBEBASAN
SEPENUHNYA, + TEGASNYA. -- BERSAMBUNG 2207/ZCM

B661:
MAHATHIR-UNDANG 6 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

MEREKA YANG TERHARU DENGAN PENDERITAANNYA BOLEH MENGURANG-
NYA DENGAN MENERIMANYA SEBAGAI RAKYAT MEREKA DAN MEMBERINYA HAK-
HAK SEBAGAI SEORANG WARGANEGARA.

+ADALAH MENJADI PENGALAMAN KITA BAHAWA ORANG-ORANG YANG MENGU-
TUK PERKAUMAN ATAU APA-APA SAJA, AKAN MENUKAR PENDAPAT MEREKA
BILA MEREKA MENGHADAPI ANCAMAN MASALAH PERKAUMAN, ATAU APA-
APA SAJA, DI TEMPAT MEREKA, + TAMBAH DATUK SERI DR. MAHATHIR LAGI.

+KITA JUGA BERPENDAPAT BAHAWA MEREKA YANG BERCAKAP TENTANG
HAK-HAK ASASI MANUSIA DARI SATU JARAK YANG JAUH TIDAK BEGITU
MENGENDAHKANNYA BILA HAK-HAK ITU DIABAIKAN DI BAWAH BATANG
KIDUNG MEREKA SENDIRI, + TAMBAHNYA.

MENGENAI SUNGUTAN-SUNGUTAN YANG DIBAWA KEPADA PERHATIANNYA OLEH
WAKIL-WAKIL MAJLIS ITU, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU SEDANG
MENGKAJI SETENGAH DARIPADANYA. -- BERNAMA 2224/ZCM